

# DEWAN NEGARA YANG KELAPAN

MALAYSIA

---

PENGGAL YANG KEEMPAT

KERTAS PEMBERITAHU

Bil. 3

1

## PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB MULUT

HARI SELASA, 10 MEI, 1994, PUKUL 2.30 PETANG

**\*1. Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan sesi persekolahan yang bermula pukul 8 pagi dan berakhir pukul 4 petang;
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk menambah peruntukan untuk membeli buku-buku perpustakaan di sekolah-sekolah di seluruh negara. Ini kerana peruntukan yang ada kini amat mendukacitakan; dan
- (c) apakah peluang-peluang yang ada bagi guru-guru lepasan Maktab untuk melanjutkan pelajaran mereka di peringkat ijazah. Sekiranya ada adakah Kerajaan akan memberi bantuan dan sokongan kepada mereka.

**\*2. Tuan Itam Wali bin Nawan** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan bahawa sehingga kini masih terdapat organisasi-organisasi perusahaan menggajikan pekerja tanpa mengikut prosedur mendaftar dan mencarumkan kepada Socso dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP):

- (a) berapa siriukah kawalan dan pemeriksaan pihak Kementerian terhadap premis-premis perusahaan;
- (b) bilangan pengusaha yang engkar peraturan Socso dan KWSP yang telah diambil tindakan terhadap kesalahan mereka; dan
- (c) jenis-jenis tindakan yang dikenakan.

**\*3. Tuan Isli Haji Siput** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar bahawa Lembaga Pembangunan Labuan (LDA) tidak meluluskan sebarang binaan bangunan tinggi di kawasan bandar melebihi tiga tingkat seperti yang didakwa oleh Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Labuan (LICCI) baru-baru ini. Berapakah jumlah permohonan dari pihak swasta sehingga kini untuk mendirikan bangunan tinggi dan adakah yang ditolak dan kenapa.

**4. Tuan Haji Saidin bin Mohamad** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk memberi imbuhan kepada pemimpin-pemimpin belia di segenap peringkat sepertimana imbuhan yang diberikan kepada pemimpin-pemimpin masyarakat, seperti JKKK, JKRR, Imam, Ketua-ketua Kawasan untuk meningkatkan prestasi persatuan-persatuan belia.

**\*5. Dato' K. Vijayanathan** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah faedah-faedah jangka pendek dan panjang dalam peluang-peluang perdagangan dengan menandatangani Perjanjian Am atas tarif dan perdagangan (GATT) yang dipersetujui di Marrakesh.

**\*6. Tuan Ibrahim bin Daud** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

(a) berapa ramaiakah peniaga-peniaga yang telah didakwa ke mahkamah kerana tidak meletakkan tandaharga; dan

(b) setakat manakah keberkesanannya pihak penguatkuasaan yang ditubuhkan.

**\*7. Puan Kelsom binti Yaacob** minta Menteri Pengangkutan menyatakan tidakkah ada cadangan Kementerian Pengangkutan menggunakan sistem berkomputer mengenai bayaran denda-denda yang dikenakan kepada pengguna jalanraya, untuk membolehkan bayaran dibuat di mana-mana tempat tinggal atau Balai Polis yang berhampiran, tidak semestinya membayar di mana tempat pengguna itu melakukan kesalahan.

**\*8. Puan Hajah Rahaiah binti Baheran** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian bagi mengatasi masalah diskriminasi pengambilan wanita. Kenapakah pekerja wanita sukar mendapat pekerjaan setelah berkahwin ataupun sudah melebihi umur 30 tahun.

**\*9. Puan Hajah Selemiah binti Hashim** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan rumah pangsa adalah jalan mudah untuk mengatasi masalah perumahan, tetapi keadaanya terlalu sempit untuk sebuah keluarga yang besar menyebabkan anak-anak merasa terkongkong dan tidak selesa. Apakah tindakan Kerajaan dalam hal ini.

**\*10. Tuan Haji Hanipah bin Ahmad** minta Menteri Kewangan menyatakan berapa ramaiakah jumlah penyimpan (pendeposit) dan bayaran balik deposit oleh pihak Bank Pusat Kerjasama (CCB) yang sudah diselesaikan pembayaran balik dan berapakah banyaknya Koperasi-koperasi dan jumlah saham-saham yang dicarumkan selaku saham di CCB.

**\*11. Tuan Michael Bong Thiam Joon** minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyakkah syarikat bursa saham yang jatuh bankrap sejak tahun 1990 dan berapakah pula jumlah syarikat broker saham yang terus maju sejak 1990.

**12. Puan Hajah Rahmah binti Salleh** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) berapa ekar tanahkah yang diperlukan untuk satu-satu padang GOLF;
- (b) cara manakah tanah untuk ini boleh didapati atau diluluskan; dan
- (c) apakah Kementerian ini tidak bercadang bagi menolak permohonan-permohonan yang akan datang bagi seluruh negara.

**\*13. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa ramaikah wanita-wanita bawah umur yang ditangkap semasa operasi mencegah maksiat di kawasan Bandaraya Kuala Lumpur sejak tahun 1992 hingga 1993 dan berapa dari mereka yang ditangkap terdiri dari rakyat asing.

**\*14. Tuan Limun Laikim** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapa banyakkah Syarikat Insuran yang beroperasi di negara ini;
- (b) berapakah jumlah modal Syarikat-syarikat Insuran tersebut; dan
- (c) adakah Syarikat Insuran Asing yang menjalankan perniagaan mereka di Malaysia.

**\*15. Datuk David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan berapa ramaikah pencuri-pencuri balak yang telah didakwa di mahkamah kerana kesalahan dan berapakah nilai wang balak yang diambil cara haram ini.

**\*16. Puan Rosalind Yau Shuk Meng** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan mengenai Bidang Penyelidikan di negara ini. Adakah telah diwujudkan Kumpulan Penyelidikan bertaraf pakar dalam berbagai bidang. Kalau ada apakah bidang-bidangnya dan apakah perkembangannya. Adakah Kerajaan mewujudkan Kumpulan Penyelidikan Tumbuhan Tropika yang mempunyai khasiat perubatan, memandangkan negara luar sangat berminat dengan kekayaan hidupan hutan tropika kita.

**\*17. Tuan Tiong Thai King** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sama ada penyiasatan lanjut telah dijalankan terhadap jurulatih-jurulatih lelaki yang telah menyalahgunakan kedudukan mereka dengan mengambil kesempatan untuk melakukan gangguan seksual yang merunsingkan pemikiran etlit-etlit wanita hingga terjadilah peristiwa kematian pelumba lari Malaysia Rabiah Salam.

**\*18. Dato William Chek Lin Kwai** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) projek-projek khas yang diadakan untuk mempertingkatkan prestasi dan mutu sukan dan olahraga di Malaysia;
- (b) sama ada projek-projek tersebut berhasil; dan
- (c) selain dari projek-projek khas itu, apakah persediaan-persediaan lain yang diadakan bagi menghadapi Sukan Komanwel 1998.

**\*19. Tuan Ho Cheng Wang** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) dalam tahun 1992 dan 1993, berapa gadis telah ditahan dalam pusat pemulihan;
- (b) apakah kesalahan-kesalahan mereka; dan
- (c) selepas bebas dari penahanan, bagaimana kedudukan mereka.

**\*20. Tuan Haji Shuib bin Haji Endut:** minta Perdana Menteri menyatakan adakah kuota pengerjaan Haji yang dibenarkan oleh Kerajaan Arab Saudi kepada jemaah Malaysia itu meliputi bakal Haji yang pergi melalui agensi lain. Dan ada juga jemaah-jemaah Haji warganegara lain yang pergi melalui LUTH, bagaimanakah status kuota mereka. Berapa ramai jemaah haji negara lain yang mengerjakan Haji melalui LUTH sejak dari tahun 1990.

**\*21. Dato' Zainol Abidin bin Johari** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Menteri berkenaan atau Perdana Menteri atau mana-mana Menteri bercadang melawat Bosnia dan Somalia berjumpa dengan anggota tentera kita yang sedang berkhidmat sebagai sokongan moral seperti yang dilakukan oleh Perdana Menteri Pakistan dan Perdana Menteri Turkey yang kedua-duanya wanita.

**\*22. Dato Soong Siew Hoong** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Kementeriannya sedar bahawa pemohon-pemohon terpaksa menunggu sejak awal pagi dan sering menghadapi kelewatan dalam permohonan dan pembaharuan pasport mereka. Apakah masalah-masalah yang sebenarnya dihadapi dalam hal ini dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasinya.

**\*23. Tuan Shahiruddin Abdul Moin** minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah hanya 19,000 sahaja yang dapat menunaikan Fardu Haji dan sebelum ini dijelaskan angkanya berbeza.

**\*24. Tuan Rahim bin Baba** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapa buah syarikatkah yang disenaraikan di BSKL telah memohon penggantungan saham mereka dari diniagakan disepanjang tahun 1993-1994;
- (b) apakah pihak Kementerian sedar terdapat syarikat yang sengaja memohon penggantungan saham mereka tanpa sebarang sebab yang diberikan dan penggantungan ini berlarutan tanpa diketahui bila akan diniagakan semula dan keadaan ini telah menyusahkan pelabur-pelabur kecil; dan
- (c) untuk mengelakkan syarikat dari menggantung saham mereka dengan sesuka hati apakah Kementerian melalui Suruhanjaya Sekuriti bercadang mengenakan syarat-syarat yang lebih ketat dan menghadkan lama sesebuah syarikat itu dari digantung.

**\*25. Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah langkah yang sedang diambil untuk memastikan ahli-ahli sukan wanita tidak dijadikan mangsa oleh pihak lelaki dalam berbagai sukan di negara ini.

**\*26. Puan Sri Sarasa Pasamanickam** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) syarat-syarat kelayakan berhubung dengan perlantikan seorang ahli majlis Tempatan/Perbandaran/Bandaraya;
- (b) adakah syarat-syarat ini sama bagi seluruh negara;
- (c) jika tidak, kerana apa syarat-syarat ini tidak diselaraskan; dan
- (d) adakah Kerajaan bercadang untuk menghadkan tempoh perkhidmatan seorang ahli Majlis kepada dua penggal maksimumnya.

**\*27. Tuan Chong Chi Siong** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sejauh manakah perkembangan pembinaan jalan keretapi kembar dari Seremban ke Kuala Lumpur dan adakah landasan keretapi ini ditukar dari kayu kepada simen itu kukuh.

**\*28. Tuan Chong Chi Siong** minta Menteri Pendidikan menyatakan pada masa ini berapa buah universiti di Indonesia yang menawarkan pengajian perubatan telah diiktirafkan oleh Kerajaan Malaysia dan perlukah pelajar ini mengambil peperiksaan tempatan sebelum dapat berkhidmat bertauliah.

**\*29. Tuan Dol bin Dollah** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah guru-guru yang mahir dan mempunyai pengkhususan dalam matapelajaran matematik dan sains akan ditempatkan di sekolah-sekolah di luar bandar bagi mengatasi masalah kemerosotan pencapaian dalam mata pelajaran matematik dan sains dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.

**\*30. Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan setakat ini berapa buah Kem belia telah siap dibina daripada 10 buah yang dirancangkan di seluruh negara dan apakah kursus-kursus jangka pendek yang akan dijalankan di Kem-kem ini.

**\*31. Tuan K. Munisamy** minta Menteri Pendidikan menyatakan mengenai pengambilan guru-guru bagi Maktab Perguruan pada tahun 1993. Pada tahun 1993, didapati bilangan pengambilan guru ini telah meningkat dari 9,000 ke 16,000. Daripada jumlah ini berapakah bilangan guru-guru yang diperuntukkan untuk mengajar di sekolah S.R.J.K. (Tamil) pada tahun 1992 dan 1993.

**\*32. Puan Habshah binti Haji Osman** minta Menteri Penerangan menyatakan strategi baru RTM dalam menangani masalah kemerosotan jumlah peminatnya sekarang berbanding dengan penambahan jumlah peminat TV3. Perkara kehilangan selera menonton siaran RTM akan lebih ketara lagi apabila adanya siaran tambahan TV 4 dan penggunaan alat pancaran Parabola kelak.

**\*33. Datin Hajah Wan Intan Wan Ahmad Tajuddin** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada kajian telah dibuat oleh mana-mana pihak berkuasa tentang sama ada mesin-mesin ATM yang dipakai oleh bank-bank hari ini benar-benar selamat untuk digunakan, memandangkan sebegitu banyak aduan telah dibuat tentang kehilangan wang melalui mesin-mesin ATM tersebut. Jika ya, nyatakan hasil kajian tersebut; jika tidak, mengapa.

**\*34. Tuan Fu Ah Kiow** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apa rancangan atau program penyelidikan yang telah atau akan dijalankan terhadap pembangunan tenaga solar.

**\*35. Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah hubungan antara Malaysia dengan Amerika, Britain dan Australia masih baik seperti dulu ekoran terdapat beberapa masalah dengan negara-negara berkenaan baru-baru ini.

**\*36. Tuan Michael Bong Thiam Joon** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa banyakkah filem yang dapat ditapis oleh Lembaga Penapis Filem setiap tahun sejak tahun 1990, dan adakah filem-filem yang telah ditolak itu diluluskan semula oleh Lembaga Penapis Filem setelah mendapat bantahan dan rayuan daripada pengeluar-pengeluar filem tempatan ataupun luar negeri, dan nyatakan juga mengapa didapati pita video lucah terus berkembang di negara ini.

**\*37. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan Pusat berhak menerima semua harta Qarun yang dijumpa di Selat Melaka atau harta-harta Qarun jika dijumpai di tempat lain.

**\*38. Datuk David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada mata pelajaran lain seperti merbahaya AIDS dan kebudayaan kuning akan diajar di sekolah-sekolah seluruh Malaysia.

**\*39. Puan Hajah Selemiah binti Hashim** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) selama ini meningkatnya kes-kes penderaan kanak-kanak, pembuangan bayi dan penderaan isteri-isteri yang dilaporkan kepada pihak Kerajaan; dan
- (b) apakah langkah-langkah Kerajaan dan khidmat yang diberikan bagi mengatasi keruntuhan rumahtangga yang menyebabkan kesan buruk pada anak-anak.

**\*40. Puan Hajah Rahaiah binti Baهران** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan jumlah kebakaran yang berlaku sehingga April tahun ini. Nyatakan jenis-jenis kebakaran, jumlah nyawa yang terbabit dan berapa jumlah kerugian yang ditanggung akibat kebakaran ini.

**\*41. Puan Hajah Rahaiah binti Baهران** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) apakah tindakan Kementerian ke atas projek-projek perumahan yang terbengkalai akibat kemelesetan ekonomi pada tahun 1986 dan 1987. Nyatakan jumlah projek perumahan yang terbengkalai di seluruh Malaysia; dan
- (b) apakah tindakan Kementerian ke atas beribu-ribu unit perumahan yang telah diduduki tetapi tidak mempunyai Sijil Layak Menduduki (CF). Bagaimana masalah ini boleh berlaku.

**\*42. Tuan Isli Haji Siput** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) kenapakah Kereta Nasional Proton Saga perlu membayar duti import yang sama dengan kereta-kereta lain apabila dibawa keluar daripada Wilayah Persekutuan Labuan; dan
- (b) adakah rancangan Kerajaan untuk menghapuskan sama sekali cukai import ini bagi kereta-kereta yang digunakan lebih 10 tahun di Labuan untuk mengurangkan kereta-kereta lama berada di jalanraya Labuan dan membolehkannya digunakan di tanah besar Sabah.

**\*43. Tuan Isli Haji Siput** minta Menteri Kewangan menyatakan sejauhmana aktiviti penyeludupan di Labuan dapat dibanteras dan setakat ini beberapa tangkapan telah dibuat dan melibatkan berapa jumlah cukai yang patut dikutip.

**\*44. Tuan Itam Wali bin Nawan** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan iaitu sehingga kini:

- (a) berapa banyakkah tanah bergeran telah diluluskan kepada Orang Asli;
- (b) berapa banyak Kawasan Rezab Orang Asli telah diluluskan sepanjang tahun 1990, 1991, 1992 dan 1993; dan
- (c) di peringkat mana proses memberi "STATUS GERAN DAN GAZET" bagi kawasan yang lain-lainnya yang dirujuk semula permohonannya.

**\*45. Tuan Haji Saidin bin Mohamad** minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilakah Kerajaan akan memulakan pembinaan lebuhraya dari Kuala Perlis ke Bukit Kayu Hitam dan berapakah anggaran yang diuntukkan.

**\*46. Tuan Haji Shuib bin Haji Endut** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa adakah Kementerian Dalam Negeri melalui LPFM bercadang mengharamkan langsung penayangan filem "Schindler's List" kepada umum. Jika benar, mengapa dan berapa banyakkah filem-filem dalam dan luar negeri yang telah diharamkan penayangannya sejak dari tahun 1990.

**\*47. Dato' Zainol Abidin bin Johari** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menggantikan penganugerahan pingat kepada askar-askar kita yang pernah berkhidmat di Congo dengan sedikit imbuhan kewangan di atas jasa dan pengorbanan mereka.

**\*48. Dato' Zainol Abidin bin Johari** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan mengapa jentera penggerak belia negara begitu menurun, hingga menyebabkan 9,000 persatuan belia kaku dan apakah langkah-langkah atau usaha-usaha dijalankan bagi menggerakkan semula jentera gerakan belia pulih bagi menyahut seruan Wawasan 2020.

**\*49. Tuan Shahiruddin Abdul Moin** minta Menteri Kewangan menyatakan setakat mana hal Sistem Ekonomi Islam telah dilaksanakan dan apakah penekanannya.

**\*50. Tuan Rahim bin Baba** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilangan institusi yang telah diluluskan oleh pihak Kementerian bagi menjalankan Sekolah Antarabangsa (International School);
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi memastikan sekolah yang diluluskan ini mengikut garis panduan seperti yang termaktub dalam Dasar Pendidikan Negara.

**\*51. Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) adakah Kementerian sudah menyiapkan kajian mengenai cadangan untuk menjadikan Pelabuhan Kuantan dan Kemaman sebagai pelabuhan bebas; dan
- (b) apakah rasionalnya kedua-dua pelabuhan itu hendak dijadikan pelabuhan bebas.

**\*52. Dr. Ng Yen Yen** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) apakah peranan dan tindakan selanjutnya dari Kementerian untuk menggalak suri-suri rumah tangga dan wanita-wanita mencari pekerjaan memandangkan keadaan negara sedang menghadapi kekurangan tenaga kerja separuh mahir dan mahir; dan
- (b) apakah tindakan dan program yang sedang dan akan dijalankan untuk meningkatkan taraf kemahiran pekerja-pekerja negara kita terutamanya pekerja-pekerja wanita.